


# Bab 1

## Gambaran Keseluruhan Global Prestasi PMKS





# Bab 1

## Gambaran Keseluruhan Global Prestasi PMKS

Pembangunan PMKS berada di kedudukan yang penting dalam memacu perkembangan ekonomi dunia, berfungsi sebagai pemangkin asas untuk kemajuan ekonomi di seluruh dunia. Pada dasarnya, kisah PMKS adalah berteraskan keazaman, pengembangan dan keterangkuman. Meskipun pandemik memberi impak yang mendalam dan sukar dijangka kepada perniagaan, kebanyakan PMKS menunjukkan ketahanan dan kembali pulih. Kelangsungan perniagaan mereka, digabungkan dengan sumbangan ekonomi dan guna tenaga yang kukuh, menekankan lagi kepentingan PMKS dalam membentuk kemakmuran sesebuah negara. Kerajaan dan perniagaan di seluruh dunia terus bekerjasama bagi mengukuhkan PMKS dan mengekalkan momentum pemulihan yang sukar diperolehi.

### PRESTASI PMKS DI KESATUAN EROPAH

PMKS di Kesatuan Eropah (European Union, EU) merupakan perniagaan yang mempunyai tenaga kerja kurang daripada 250 pekerja dan mempunyai sama ada hasil tahunan kurang daripada EUR50 juta atau jumlah kunci kira-kira kurang daripada EUR43 juta. Melihat kepada profil, EU-27 mempunyai sekitar 24.3 juta PMKS yang aktif pada tahun 2022, menunjukkan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.7%<sup>[1]</sup>. Profil ini membentuk 99.8% daripada keseluruhan perusahaan dalam sektor perniagaan bukan kewangan (*non-financial business sector*, NFBS). Peningkatan terkumpul dalam bilangan PMKS sebahagiannya mungkin disebabkan oleh bantuan dari segi kewangan yang diberikan oleh Kerajaan EU kepada PMKS semasa tempoh kritikal pandemik pada tahun 2020 dan 2021 bagi mengekang kenaikan kebangkrutan perniagaan yang ketara.

Selari dengan landskap PMKS di peringkat global, perusahaan mikro mendominasi taburan saiz perniagaan dalam NFBS EU-27, merangkumi 93.7% daripada jumlah perusahaan PMKS. Analisis yang lebih terperinci mengenai taburan PMKS di EU-27 mengikut industri menunjukkan bahawa PMKS pada tahun 2022 secara jelas tergolong dalam sektor tertentu, iaitu dalam industri perdagangan borong & runcit (23.6%); aktiviti profesional, saintifik & teknikal (19.6%); serta sektor pembinaan (15.4%).

Melihat kepada aspek prestasi, tempoh pascapandemik membawa impak positif kepada PMKS di kawasan Euro. Berteraskan momentum ini, PMKS di EU-27 terus mengalami pemulihan yang kukuh pada tahun 2022 dengan pertumbuhan nilai ditambah berkembang sebanyak 6.7% (2021: 8.7%) dan menyaksikan pertumbuhan guna tenaga sebanyak 2.4% (2021: 1.4%) pada tahun yang sama. Oleh itu, PMKS di EU-27 menyumbang lebih separuh daripada jumlah nilai ditambah dan 64.4% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2022.

Jadual 1.1: Sumbangan PMKS dalam Pertubuhan, Nilai Ditambah dan Guna Tenaga pada Tahun 2022

Kategori	Sumbangan (%)		
	Pertubuhan	Nilai Ditambah	Guna Tenaga
Mikro	93.7	36.0	45.8
Kecil	5.5	31.9	30.2
Sederhana	0.8	32.1	24.1
<b>% kepada Jumlah PMKS</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
% kepada Keseluruhan EU-27	99.8	51.8	64.4

Sumber: Laporan Tahunan PKS Eropah 2022/2023, Jun 2023

## PRESTASI PMKS DI RANTAU ASIA

### Prestasi PMKS di India

Perusahaan di India dikelaskan kepada dua bahagian mengikut Akta Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana pada tahun 2006, iaitu perusahaan pembuatan dan perkhidmatan. Negara ini telah mentakrifkan semula definisi PMKS pada Julai 2020 dengan mengambil kira kebimbangan untuk berkembang dalam kalangan PMKS disebabkan oleh had ambang (*threshold limit*) yang rendah pada definisi lama yang menghalang mereka untuk terus berkembang kerana mereka mungkin kehilangan manfaat yang boleh dinikmati oleh PMKS. Definisi lama tertumpu kepada satu kriteria sahaja iaitu pelaburan yang mengasingkan antara PMKS berkaitan pembuatan dan perkhidmatan. Sementara itu, definisi baharu menyeragamkan definisi merentas PMKS pembuatan dan perkhidmatan berdasarkan pelaburan dalam kilang, mesin atau peralatan (tidak termasuk tanah dan bangunan) serta petunjuk baharu, iaitu hasil tahunan. Jadual 1.2 di bawah menerangkan definisi PMKS di India secara terperinci mengikut saiz perniagaan.

Jadual 1.2: Definisi PMKS di India

Kategori	Pelaburan dalam Kilang, Mesin atau Peralatan	Hasil Tahunan
Mikro	≤ Rs.1 crore	≤ Rs.5 crore
Kecil	≤ Rs.10 crore	≤ Rs.50 crore
Sederhana	≤ Rs.50 crore	≤ Rs.250 crore

Sumber: Kementerian Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Kerajaan India


PMKS membentuk segmen ekonomi India yang sangat dinamik, meliputi lebih 63.4 juta perusahaan merentas seluruh kawasan geografi <sup>[2]</sup>. Menurut Kementerian Perangkaan dan Pelaksanaan Program, perusahaan mikro merupakan perusahaan yang paling menyerlah dari segi saiz PMKS, terdiri daripada hampir 63.1 juta yang mencakupi majoriti 99.0% daripada jumlah keseluruhan PMKS di negara tersebut. Di samping itu, firma bersaiz kecil berjumlah lebih daripada 330,000 perusahaan (0.5% daripada jumlah PMKS), manakala firma bersaiz sederhana hanya merangkumi sekitar 5,000 perusahaan atau 0.01% daripada jumlah PMKS.

Bagi prestasi ekonomi, PMKS di India telah menyumbang secara ketara terhadap ekonomi tempatan. Data daripada Kementerian menunjukkan bahawa sumbangan Nilai Ditambah Kasar (*Gross Value Added, GVA*) PMKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) India telah meningkat semula, dengan sumbangan yang dicatatkan sebanyak 29.2% pada tahun fiskal 2021-22 berbanding hanya 27.2% pada 2020-21 <sup>[3]</sup>. Melihat kepada sektor pembuatan, sumbangan output yang dijana oleh PMKS dalam sektor pembuatan adalah sebanyak 36.2% kepada jumlah output pembuatan India dalam tempoh yang sama. Sementara itu, sumbangan eksport barangan PMKS kepada jumlah eksport India menurun kepada 43.6% pada tahun 2022-23 (2021-22: 45.0%). PMKS di India memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang guna tenaga yang meluas kepada negara dengan menggaji seramai 137.7 juta orang antara 1 Julai 2020 dan 30 Oktober 2023 berdasarkan portal Pendaftaran Udyam <sup>[4]</sup>.

### Prestasi PMKS di Singapura

Pada tahun 2022, profil PMKS di Singapura menunjukkan lebih daripada 298,000 perusahaan, membentuk 99.0% daripada jumlah perniagaan di negara ini <sup>[5]</sup>. Perkara ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5%, kira-kira 7,400 PMKS berbanding sejumlah 291,100 PMKS yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Dari segi definisi, PMKS di negara ini dikategorikan berdasarkan hasil operasi iaitu tidak melebihi SGD100 juta atau guna tenaga tidak melebihi 200 pekerja.

Carta 1.1: Prestasi PMKS di Singapura dari segi Nilai Ditambah dan Guna Tenaga



Sumber: Jabatan Perangkaan Singapura dan Analisis oleh SME Corp. Malaysia

PMKS di Singapura terus mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam nilai ditambah iaitu berkembang sebanyak 13.4% untuk mencapai SGD284.1 bilion pada tahun 2022. Meskipun kadar pertumbuhan adalah lebih perlahan (2021: 21.8%), pertumbuhan itu telah menyebabkan PMKS menyumbang sebanyak 48.0% kepada keseluruhan nilai ditambah negara bagi tahun tersebut. Dari segi pasaran buruh, bilangan pekerja yang digaji oleh PMKS menunjukkan peningkatan yang menggalakkan sebanyak 7.5%, meningkat daripada 2.41 juta pada tahun 2021 kepada 2.59 juta pada tahun 2022. Peningkatan ketara dalam guna tenaga PMKS ini memacu sumbangan mereka terhadap keseluruhan guna tenaga Singapura kepada 71.3% pada tahun 2022, berbanding 70.9% pada tahun sebelumnya. Sumbangan ini menekankan peranan penting yang dimainkan oleh PMKS di Singapura dalam landskap ekonomi dan pasaran buruh negara.

## Prestasi PMKS di Arab Saudi

Bertujuan untuk memupuk pertumbuhan PMKS dan menggalakkan kepelbagaian dalam ekonomi, Arab Saudi telah menubuhkan Small and Medium Enterprises General Authority pada tahun 2016, sebuah agensi Kerajaan yang khusus untuk menerajui inisiatif perniagaan kecil. PMKS di negara ini didefinisikan sebagai perusahaan yang mempunyai tenaga kerja kurang daripada 250 pekerja sepenuh masa atau hasil tahunan SAR200 juta dan kurang. Kategori terperinci PMKS di Arab Saudi berdasarkan saiz perniagaan digariskan dalam Jadual 1.3.


Jadual 1.3: Definisi PMKS di Arab Saudi

Kategori	Pekerja Sepenuh Masa	Hasil Tahunan
Mikro	≤ 5	≤ SAR3 juta
Kecil	6 hingga ≤ 49	> SAR3 juta hingga ≤ SAR40 juta
Sederhana	50 hingga ≤ 249	> SAR40 juta hingga ≤ SAR200 juta

Sumber: Small and Medium Enterprises General Authority

Melihat kepada profil terkini, Laporan SME Monitor Q2 2023 menyatakan bahawa PMKS membentuk majoriti 99.7% daripada jumlah perniagaan di negara ini <sup>61</sup>. Ekosistem PMKS menyaksikan pengembangan sederhana sebanyak 2.6% pada suku kedua tahun 2023 (pertumbuhan berbanding suku pertama tahun 2023), mencapai sejumlah 1.2 juta PMKS. Dengan pendaftaran PMKS baharu, perkembangan ini didorong oleh golongan belia yang bersemangat menunjukkan kemahiran keusahawanan dan inovatif mereka, lantas menyerlahkan potensi mereka untuk muncul sebagai pemimpin perniagaan masa depan. Di samping itu, ekosistem PMKS di Arab Saudi yang kukuh menjangkau ke seluruh negara, dengan Riyadh, Mekah dan Wilayah Timur secara kolektif mempunyai 71.8% daripada jumlah PMKS.

Carta 1.2: PMKS di Arab Saudi mengikut Saiz



Sumber: SME Monitor Q2 2023, Small and Medium Enterprises General Authority

Selain itu, Laporan SME Monitor Q1 2023 menyatakan bahawa seramai 6.8 juta orang digaji oleh PMKS pada suku pertama tahun 2023<sup>[7]</sup>. Dari segi prestasi, data sedia ada yang terkini bagi tahun 2021 menunjukkan bahawa hasil operasi PMKS meningkat semula dengan ketara pada pertumbuhan dua angka sebanyak 24.5% (2020: -16.3%) bagi mencapai SAR1.26 bilion pada tahun 2021 daripada SAR1.02 bilion yang dicatatkan pada tahun 2020<sup>[8]</sup>. Pertumbuhan yang lebih tinggi didorong terutamanya oleh aktiviti penginapan & perkhidmatan makanan serta hartanah memandangkan aktiviti tersebut telah meningkat dengan ketara masing-masing sebanyak 46.4% (2020: -28.4%) dan 41.9% (2020: -22.5%), pulih daripada kesan pandemik COVID-19. Komposisi hasil operasi pada tahun 2021 dijana terutamanya oleh tiga aktiviti teratas iaitu perdagangan borong & runcit (39.4%), diikuti oleh pembuatan (19.2%) dan pembinaan (13.5%).

## PRESTASI PMKS DI AUSTRALIA

Perniagaan kecil dan sederhana di Australia memainkan peranan penting dalam membentuk landskap ekonomi. Melihat kepada kriteria guna tenaga, Biro Perangkaan Australia mengklasifikasikan perniagaan kecil sebagai firma yang mempunyai tenaga kerja kurang daripada 20 orang manakala perniagaan sederhana sebagai firma yang mempunyai tenaga kerja antara 20 hingga kurang daripada 200 orang. Dengan lebih 2.56 juta perniagaan aktif, PKS di Australia membentuk 99.8% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan dalam tempoh 2021-22, sekaligus menekankan lagi peranan mereka sebagai penggerak ekonomi<sup>[9]</sup>.

Jadual 1.4: Bilangan Firma, Nilai Ditambah dan Guna Tenaga mengikut Saiz Perniagaan pada Tahun 2021-22\*

Kategori	Pertumbuhan		Nilai Ditambah		Guna Tenaga	
	Bil. Firma	Sumbangan (%)	Nilai (AUD juta)	Sumbangan (%)	Bil. Pekerja (juta)	Sumbangan (%)
Kecil	2,506,012	97.5	505,975	32.4	5,155	41.7
Sederhana	59,355	2.3	344,938	22.1	3,009	24.3
<b>Jumlah PKS</b>	<b>2,565,367</b>	<b>99.8</b>	<b>850,913</b>	<b>54.5</b>	<b>8,164</b>	<b>66.0</b>
Firma Besar	4,533	0.2	711,119	45.5	4,202	34.0

Sumber: *Australian Small Business and Family Enterprise Ombudsman*, Jun 2023

\* Di Australia, tahun fiskal atau lazimnya disebut sebagai 'tahun kewangan' (*financial year, FY*) bermula pada 1 Julai dan berakhir pada 30 Jun berikutnya.

Melihat secara mendalam prestasi PKS Australia, sumbangan nilai ditambah mereka kepada jumlah KDNK tidak boleh dipandang remeh. Bagi tahun fiskal 2021-22, perusahaan ini secara kolektif menyumbang AUD850 bilion atau 54.5% kepada jumlah KDNK negara<sup>[10]</sup>. Perkara ini mencerminkan pertumbuhan dua angka yang luar biasa sebanyak 17.5% terhadap nilai ditambah PKS berbanding 2.8% yang dicatatkan sepanjang tempoh 2020-21. Sebagai sebahagian daripada ekosistem perniagaan, penyumbang utama adalah daripada perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal (13.5% kepada jumlah nilai ditambah PKS), sektor pembinaan (13.2%) serta perkhidmatan penyewaan, pengambilan pekerja & hartanah (10.0%).

Di samping itu, impak perniagaan PKS di Australia melangkaui metrik kewangan. Pada tahun fiskal yang sama iaitu 2021-22, secara keseluruhannya hampir 8.2 juta orang digaji oleh PKS yang mewakili dua pertiga daripada tenaga kerja (2020-21: 7.9 juta orang)<sup>[11]</sup>. Sumbangan ini menerangkan peranan PKS yang ketara dalam mewujudkan peluang pekerjaan dan memupuk kestabilan ekonomi. Perlu diambil perhatian bahawa sektor pembinaan tampil sebagai pemain yang hebat, menyumbang sebanyak 13.1% kepada keseluruhan guna tenaga PKS. Selain itu, perkhidmatan profesional, saintifik & teknikal (12.2% daripada guna tenaga PKS) dan perkhidmatan penginapan & makanan (9.8% daripada guna tenaga PKS) juga merupakan subsektor yang patut diberi perhatian dalam pasaran buruh.